



***Cadangan bagi  
Penggabungan Strategik  
dengan  
eCosway  
untuk  
Program Peniaga Kongsi***



# ***Cadangan untuk menyertai Program Peniaga Kongsi eCosway***

## **Objektif**

Objektif cadangan ini adalah untuk menjemput anda menyertai Program Penggabungan Strategik dengan eCosway sebagai **Peniaga Kongsi**.

## **Bagaimana Anda Mendapat Keuntungan?**

- ✓ Anda akan mendapat pelanggan baru yang pastinya memilih anda berbanding dengan pesaing lain hasil dorongan keuntungan dan pengiklanan dari mulut ke mulut.
- ✓ Pelanggan-pelanggan akan setia kepada anda kerana program ini merupakan suatu program kesetiaan terbesar dan paling berjaya di Malaysia.
- ✓ Anda akan diberi pengiklanan dan promosi secara percuma di dalam laman web kami, [www.PartnerMerchants.com](http://www.PartnerMerchants.com).

## **Siapakah Kami?**

eCosway adalah anak syarikat Cosway Malaysia – salah satu syarikat jualan langsung yang terkenal di Malaysia, yang mempunyai pelbagai produk bagi pilihan pelanggan. Sejak ditubuhkan pada tahun 1979, Cosway telah mencatat kejayaan yang memberangsangkan. Cosway, dengan modal berbayar sejumlah RM 155 juta, adalah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Cosway Corporation Berhad yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Ia juga mencatatkan modal berbayar sejumlah RM341 juta dengan mencatatkan keuntungan sejumlah RM1.457 ribu juta untuk tahun kewangan dipenghujung 30hb April 2003.

eCosway adalah syarikat pemasaran yang mempunyai rangkaian yang unik. Strategi perniagaan kami dibina di atas prinsip-prinsip yang kukuh pemasarannya dan kepentingan ekonomi bagi ketiga-tiga pihak iaitu – pembekal, pembeli dan pemilik perniagaan. Dengan menggabungkan tenaga ketiga-tiga pihak ini dan membentuk pertalian yang menguntungkan ketiga-tiga pihak, eCosway berjaya mencipta model perniagaan yang jelas berbeza dari syarikat-syarikat pemasaran berangkai (*MLM*) yang lain. Model ini dikenali sebagai *Pemasaran Bersama<sup>TM</sup>*.

Mereka yang menyertai eCosway merupakan Pemilik Perniagaan (*Business Owners*) tersendiri. Ia menggunakan konsep pemasaran melalui “sebaran mulut” untuk membina rangkaian rujukan bagi pelanggan-pelanggan setia untuk para pembekal dan juga peniaga kongsi eCosway. Pemilik Perniagaan “memiliki” perniagaan yang diusahakan di premis masing-masing dan menikmati pendapatan yang lumayan daripada pembelian yang dibuat oleh setiap pelanggan di dalam rangkaian mereka. Pendapatan ini adalah berdasarkan kepada jumlah nilai jualan (dikenali sebagai eVolume atau eV) yang diperolehi melalui rangkaian mereka dan kiraan adalah berdasarkan kepada *Rancangan Keuntungan eCosway*.

Di samping memperoleh pendapatan, Pemilik Perniagaan eCosway juga menikmati keuntungan dari program ‘eCosway’s Shopper Reward’. Sekiranya, mereka berbelanja di eCosway atau di mana-mana sahaja, mereka turut memperoleh **Nilai Mata Kad (CVP)** yang membolehkan mereka membeli ratusan barangan dengan diskaun yang menarik serta boleh menyertai lelongan mewah dan eksklusif.

## **Apa Yang Kami Perlukan Dari Anda?**

Apa yang kami perlukan dari anda hanyalah komisyen bagi setiap transaksi yang anda terima melalui Kad Gabungan Jenama eCosway.

eCosway akan menggunakan komisyen ini bagi tujuan berikut:

- ✓ 75% akan digunakan untuk mendapatkan hadiah-hadiah yang lebih menarik dan berharga bagi tujuan lelongan.

- ✓ 25% akan diubah menjadi eV (volum jualan) untuk pengiraan keuntungan yang dibayar kepada Pemilik Perniagaan eCosway.

Komisyon minimum yang kami perlukan ialah 10%. Jika anda memberi kami lebih daripada 10%, ia pastinya lebih baik! Sebarang komisyon tambahan yang anda berikan kepada eCosway akan digunakan untuk menawarkan diskaun dan tawaran hebat kepada pemegang kad secara berterusan atau dalam jangka masa terhad.

Ini memberi lebih ruang kepada anda untuk memberi keseronokan kepada pelanggan secara berterusan. Sebagai contoh, sekiranya anda menawarkan sebanyak 20%, kami akan mengira 10% pertama kepada eV untuk pembayaran keuntungan bagi rangkaian kami serta Rancangan Hadiah Pembeli dan 10% lagi akan terus diberikan kepada pemegang kad dalam bentuk diskaun ketika pembelian dilakukan.

## **Anda Akan Memperolehi Pengiklanan Dan Promosi Secara Percuma**

Publisiti dan pemberitahuan akan disampaikan kepada pemegang Kad Gabungan Jenama eCosway dari masa ke semasa. Ia memaparkan produk-produk istimewa, perkhidmatan atau promosi yang ingin diketengahkan oleh Peniaga Kongsi. Sebagai contoh, sebuah restoran ingin memperkenalkan beberapa hidangan istimewa untuk sesuatu bulan, atau sebuah kedai permainan & hobi hendak memperkenalkan harga istimewa bagi barangan-barangan edisi terhad dan sebagainya. Kami akan menampilkan promosi barangan tersebut di laman web kami.

## **Anda Akan Memperolehi Program Kesetiaan Yang Menarik**

eCosway memberikan CVP untuk menggalakkan perbelanjaan pemegang kad. Kami memberi 2 CVP untuk setiap B\$50 yang dibelanjakan menggunakan Kad Gabungan Jenama eCosway di kedai Peniaga Kongsi dan 1 CVP untuk yang bukan Peniaga Kongsi.

Ini bermakna setiap kali pemilik kad berbelanja dengan anda, mereka akan menerima keuntungan yang amat memberangsangkan di dalam program kesetiaan.

- ✓ **Harga-harga yang menakjubkan bagi setiap barangan:** Berbeza dengan program-program kesetiaan yang lain di mana pemegang-pemegang kad perlu mengutip beribu-ribu mata sebelum mendapat satu hadiah. Pemilik-pemilik Perniagaan boleh menggunakan 1 atau 2 CVP untuk mendapat diskaun yang menarik bagi ratusan barangan popular. Ini termasuk barangan persendirian, barangan rumah, kelengkapan dapur, barangan berjenama dan banyak lagi. Barangan ini boleh didapati dengan mudah di 400 cawangan kaunter eCosway di seluruh Malaysia, Singapura dan Brunei.
- ✓ **Menangi sebuah jam berjenama:** Beratus-ratus barangan berjenama disenaraikan di dalam "Lelongan Mewah CVP" (CVP Auction). Semua Pemilik Perniagaan perlu membuat tawaran dengan menggunakan CVP! Tawaran yang paling tinggi akan menang. Hadiah-hadiahnya termasuk jam tangan berjenama, TV plasma, item elektronik, minyak wangi berjenama, dan baucar untuk sajian dan pelancongan dan sebagainya.

*Mereka yang tidak berjaya, tidak akan kehilangan CVP. CVP akan terus dikumpul untuk digunakan pada lelongan-lelongan yang akan datang. Semua ahli berpeluang memenangi hadiah...hanya masa yang akan menentukan asalkan mereka terus mengumpul CVP!*

## **Anda Mempunyai Potensi Keuntungan Yang Hebat Tanpa Sebarang Risiko!**

Anda boleh mengembangkan perniagaan anda berdasarkan bilangan pelanggan yang semakin meningkat hasil daripada pemegang-pemegang Kad Gabungan Jenama eCosway.

Faktor-faktor yang akan menentukan perkembangan dalam jumlah jualan adalah:

- ✓ Pemilik Perniagaan eCosway sentiasa berusaha mengembangkan rangkaian mereka dengan menaja rakan-rakan dan saudara mara bagi menambah pendapatan mereka. Ini bermakna, Pemilik Perniagaan bukan sahaja menggalakkan rakan-rakan mereka menjadi ahli eCosway, malah menggalakkan mereka untuk membeli barangan dari cawangan anda. Anda akan memperolehi pelanggan baru secara automatik

apabila Pemilik Perniagaan itu membawa masuk Pemilik Perniagaan yang lain.

- ✓ Pemilik-pemilik Perniagaan kami perlu mendapatkan nilai jualan (eV) setiap bulan untuk melayakkan diri untuk menikmati bonus serta insentif. Mereka akan lebih cenderung untuk mengunjungi kedai Peniaga Kongsi berbanding yang bukan Peniaga Kongsi kerana mereka akan menerima hampir 9 kali ganda eV dengan menggunakan Kad Gabungan Jenama eCosway mereka di kedai Peniaga Kongsi (yang memberikan 10%) berbanding bukan Peniaga Kongsi.

**Secara keseluruhannya, unjuran perniagaan ini tidak akan melibatkan apa-apa kos kepada anda melainkan kami membawakan anda perniagaan.** Kami akan menanggung segala kos bagi pengiklanan dan promosi, laman web (*web-hosting*) dan program kesetiaan.

## Prosedur

Jika Peniaga adalah seorang peniaga Baiduri SEMASA

1. Dapatkan peniaga untuk melengkapkan dan menandatangani Dokumen A (2 salinan) & B Perjanjian Peniaga Kongsi.
2. Hantarkan salinan asal Dokumen A (kedua-dua salinan) & B yang telah ditandatangani secara persendirian atau dengan penghantaran khas kepada:

**Bank Baiduri  
Attn: Ms. Jazline Rose  
Pusat Kad  
Blok A, Unit 8  
Kompleks Kiarong,  
Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah  
Bandar Sri Begawan BE1318  
Brunei**

**Tel: 245 4186 Faks: 245 4184**

Bukti penghantaran tidak boleh dijadikan bukti penerimaan oleh Bank Baiduri atau eCosway

3. Apabila menerima Dokumen A & B, Bank Baiduri akan memproses permohonan dan menghantar salinan asal kepada eCosway (Untuk Perhatian: Perkhidmatan Rakan Kongsi Peniaga, Lot 2.69 Wisma Cosway, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur, Malaysia) dan eCosway akan merekodkan tarikh dan masa penerimaan. Sekiranya terdapat apa jua kontroversi mengenai penerimaan salinan dokumen yang mempunyai maklumat yang berlainan untuk peniaga yang sama, maka set dokumen pertama yang lengkap dan mempunyai tandatangan serta tanda syarikat Peniaga yang diterima oleh eCosway akan diiktiraf sebagai set yang sah untuk diproses bagi urusan Rakan Kongsi Peniaga.
4. Diatas penerimaan atau pemasangan peralatan EDC Bank Baiduri di lokasi peniaga, Bank Baiduri akan memaklumkan kepada eCosway akan pengaktifan peralatan EDC dan Perjanjian Peniaga Kongsi eCosway akan berkuatkuasa.

## Jika Peniaga BUKAN Peniaga Baiduri

Anda perlu melalui langkah pendahuluan di bawah sebelum meneruskan dengan langkah 2-4 di atas.

- Sila bawakan kad perniagaan atau butiran perhubungan peniaga dan pergi ke Baiduri Bank di Blok A, Unit 8, Kompleks Kiarong, Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan) dan temui Cik Jazline Rose. Untuk mempercepatkan pemprosesan, anda digalakkan untuk menghubungi 673-2268349 bagi menetapkan temu janji dengan beliau terlebih dahulu.
- Anda perlu memberikan kad perniagaan peniaga kepada Cik Jazline dan isikan butir-butir peniaga dan anda (Pengenal) di dalam buku.
- Cik Jazline akan menghubungi anda dan peniaga dalam tempoh 7 hari bekerja untuk memaklumkan sama ada permohonan peniaga telah diluluskan atau ditolak.
- Jika permohonan peniaga diluluskan, Cik Jazline memerlukan BO Pengenal mendapatkan peniaga untuk mengisi Dokumen A (2 salinan) & B Perjanjian Rakan Kongsi Peniaga. (Klik pada pautan untuk muat turun.) Anda seterusnya perlu mengikuti langkah 2-4 seperti di atas.

## Tempoh Kontrak

1. Perjanjian Peniaga Kongsi eCosway akan sah untuk tempoh satu (1) tahun, berkuatkuasa dari tarikh peralatan EDC Bank Baiduri disempurnakan. Kontrak akan diperbaharui setiap tahun secara automatik melainkan mendapat notis bertulis daripada Peniaga Kongsi sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tamat tempoh.
2. Sekiranya perjanjian pertama ditamatkan dan peniaga membuat perjanjian lain dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh tamat, maka Pengesyor Pemilik Perniagaan (*Introducer BO*) sebagaimana tertera dalam perjanjian pertama akan kekal.
3. Sekiranya Bank Baiduri menamatkan atau menyahaktif peralatan EDC peniaga kerana syarat-syarat yang tidak dipatuhi dalam polisi Bank, maka Perjanjian Perniagaan Kongsi eCosway akan ditamatkan secara automatik.